

555 sekolah diiktiraf Sekolah Kluster Kecemerlangan

BERITA HARIAN 23/4/17 M/S 5

SKK, SBT
capai hasrat
onjak
kecemerlangan
pendidikan negara

Ih Nur Fatin Mohd Satar
news@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah program kecemerlangan sekolah yang dikenaliikan sepenuhnya oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kecemerlangan (PSBPSK) Kementerian Pendidikan Malaysia.

la memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan mempunyai institusi pendidikan yang dapat melonjakkan kecemerlangan, selain kewujudannya bagi merealisasikan teras keenam dalam Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dan diberi pe-
nggunaan semula dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

SKK salah satu pengiktirafan KPM yang mengelompokkan sekolah dalam bentuk kluster berdasarkan kecemerlangan yang dicapai sekolah berkenaan.

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kecemerlangan KPM, Datuk Rashidah Md Arif, berkata sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya dan berjaya melahirkan murid yang holistik dalam aspek akademik, kokurikulum, sahsiah dan penampan diri serta mempunyai kebitaraan (miche) yang menggambarkan watak sekolah masing-masing.

Kembangkan potensi sekolah

Katanya, selain melonjakkan ke-
merlangan program berkenaan ber-
tujuan mengembangkan potensi dan
membangunkan sekolah yang boleh
diontophi sekolah lain dalam kluster
yang sama.

"Kita juga mengangkat nama dan
sistem pendidikan negara di pering-
kat antarabangsa dengan menjadi
showcase di luar negara."

"Sehingga kini terdapat 555 sekolah
sudah diiktiraf sebagai SKK dalam
fasa 10," katanya ketika ditemui baru-
baru ini.

Sementara itu, Sekolah Berprestasi
Tinggi (SBT) pula adalah satu peng-
iktirafan tertinggi diberi kepada
sekolah rendah dan menengah yang

cemerlang dalam akademik serta ko-
kurikulum, malah dari segi hubun-
gan kerjasama pada peringkat ke-
bangsaan dan antarabangsa.

"SBT ini mempunyai etos, watak,
identiti tersendiri dan unik serta me-
nyerlah dalam semua aspek pen-
didikan, ia juga menjadi contoh dan
model kepada sekolah lain sama ada
dalam dan luar negara selain men-
jadi penanda aras sebagai sekolah
pilihan utama.

"Pada tahun 2010, Perdana Menteri
mengumumkan Pelan Transformasi
Kerajaan (Government Transforma-
tion Plan (GTP) 1.0) dan salah satu
daripada enam NKRA ialah meluas-
kan akses kepada pendidikan ber-
kualiti.

"NKRA mempunyai sub yang di-
panggil subNKRA dan untuk merea-
lisasikannya KPM menyediakan pe-
lan tindakan untuk membuat ve-
rifikasi serta mengenalpasti SBT.
Manakala menjelang tahun 2012 Per-
dana Menteri mengumumkan 100
buah sekolah akan diiktiraf sebagai
SBT," katanya.

Beliau berkata, pada 29 Januari
2010 sehingga kini terdapat 140 SBT
yang diiktiraf melalui tujuh kohort
berbanding 20 sekolah diiktiraf SBT
pada kohort pertama.

Rashidah berkata, kelebihan SKK
dari segi pemilihan murid sebanyak
10 peratus berdasarkan kebitaraan



**Kita juga
mengangkat
nama dan
sistem
pendidikan
negara
di peringkat
antarabangsa
dengan menjadi
showcase
di luar negara"**

**Datuk Rashidah
Md Arif,**

*Pengarah Bahagian
Pengurusan Sekolah
Berprestasi Tinggi
dan Sekolah
Kecemerlangan KPM*

sekolah dan dilaksana jika ada pi-
lhan sekolah lain di kawasan se-
kitar.

Laksana pelbagai program

"Manakala program dilaksanakan
antaranya Program Bimbingan Ber-
sepadu, Bengkel Kerja Pengurusan
Akademik dan Anugerah Kecemer-
langan Jalanan.

"SKK juga ada melaksanakan Kon-
vensyen sempena 10 Tahun SKK atau
Kolokium, Seminar, *Sharing of best
practices*, mempromosikan kecemer-
langan sekolah dan bengkel pema-
tapan kebitaraan kokurikulum," ka-
tanya.

Manakala, kelebihan SBT pula
mempunyai peruntukan khas oleh
kerajaan mengikut ekonomi semasa
bagi pengurusan sekolah.

Antara lain lagi boleh membuat
penawaran peperiksaan luar kuri-
kulum, pengubahsuaian jadual wak-
tu dan pengurusan sumber manu-
sia.

"SBT turut menempatkan pemim-
pin berprestasi tinggi di setiap SBT
dan latihan PGB di Institut Am-
muddin Baki serta latihan guru di-
kendalikan BPG. Pengurusan pem-
lhan murid sebanyak 20 peratus
berdasarkan akademik, kokuriku-
lum atau etos sekolah selain turut
menjadi sekolah tarikan masyarakat," katanya.